

**TEKS UCAPAN PERASMIAN
YB. DATUK AMAR DOUGLAS UGGAH EMBAS
MENTERI PERUSAHAAN PERLADANGAN DAN KOMODITI**

**MAJLIS PERASMIAN
*MALAYSIA COCOA AND CHOCOLATE DAY (MCCD) 2014***

**SABTU, 27 SEPTEMBER 2014
*MID VALLEY EXHIBITION CENTRE, KUALA LUMPUR***

Yang Berhormat Datuk Dr. Marcus Makin Mojigoh
Pengerusi Lembaga Pengelola
Lembaga Koko Malaysia

YBrs. Dr. Lee Choon Hui
Ketua Pengarah
Lembaga Koko Malaysia

Dif-dif Jemputan

Tuan-tuan dan Puan-puan yang saya hormati sekalian.

Selamat Petang, Salam Sejahtera dan Salam 1Malaysia,

Terlebih dahulu saya ingin merakamkan setinggi-tinggi tahniah kepada Lembaga Koko Malaysia (LKM) atas daya usaha dan inisiatif menganjurkan bagi kali ke-4, *Malaysia Cocoa and Chocolate Day* yang bertemakan *Cocoa for Fun & Health*. Acara ini diadakan bersempena dengan Hari Koko Sedunia yang disambut pada 1 Oktober setiap tahun. Saya juga mengucapkan terima kasih kepada LKM atas jemputan bagi merasmikan *Malaysia Cocoa and Chocolate Day 2014*.

Tuan-tuan dan puan-puan,

2. Sambutan *Malaysia Cocoa and Chocolate Day* merupakan inisiatif Kementerian Perusahaan Perladangan dan Komoditi (MPIC) serta LKM bagi mempromosikan industri koko negara. Selain itu, acara ini juga bertujuan meningkatkan kesedaran orang ramai berhubung khasiat produk-produk koko ke arah meningkatkan penggunaan produk-produk koko tempatan. Di samping itu, acara seumpama ini juga menyediakan landasan kepada sektor swasta untuk mempelopori bidang-bidang baharu dalam industri koko dan juga kepada para usahawan yang berminat dalam penghasilan produk-produk koko.

3. Pada tahun 2013, industri koko negara telah menghasilkan pendapatan eksport negara sebanyak RM3.6 bilion. Ini meliputi eksport produk-produk koko seperti biji koko, lemak koko, pes koko, kek koko dan serbuk koko. Berdasarkan kepada ramalan *International Cocoa Organisation* (ICCO), permintaan terhadap produk koko akan terus meningkat pada kadar 2.7% setahun bagi tempoh 2012/2013 hingga 2013/2014. Ini mencerminkan potensi pertumbuhan industri koko terutamanya permintaan baharu bagi coklat dan lain-lain produk berasaskan koko.

4. Dalam kes Malaysia, industri hiliran koko yang melibatkan aktiviti pengisaran dan pengeluaran produk-produk siap koko telah berkembang sejak 10 tahun yang lalu. Pada masa kini, Malaysia merupakan salah sebuah negara pengisar biji koko terbesar di rantau Asia Pasifik dan kelima terbesar di dunia selepas Netherlands, Cote d'Ivoire, Amerika Syarikat dan Jerman.

Tuan-tuan dan puan-puan,

5. Pada tahun 2013, industri pengisaran koko negara telah menghasilkan sebanyak 285,608 tan metrik dalam bentuk likur, lelemak koko dan kek koko untuk tujuan penggunaan dalam negeri dan eksport. Ini merupakan peningkatan sebanyak dua kali ganda berbanding pengisaran koko pada tahun 2000. Produk-produk koko keluaran negara kini dieksport ke lebih 80 buah negara di seluruh dunia. Destinasi pasaran utama eksport produk-produk koko negara adalah Amerika Syarikat, Jepun, Republik Rakyat China dan negara-negara di rantau ASEAN, terutamanya ke Singapura dan Thailand.

6. Dalam usaha memantapkan pembangunan industri koko negara, Kerajaan akan terus menggalakkan aktiviti-aktiviti penyelidikan dan pembangunan dalam penghasilan produk-produk baharu. Ini termasuk penggunaan koko untuk tujuan penghasilan produk-produk berasaskan koko seperti produk coklat tahan haba, produk kosmetik kompak, penggunaan jus pulpa koko dan produk farmaseutikal koko. Selain itu, Kerajaan juga akan meneruskan usaha-usaha mempromosikan produk-produk koko terutamanya oleh usahawan tempatan ke pasaran antarabangsa. Ini adalah bertujuan meningkatkan akses pasaran produk-produk koko hasilan negara.

Tuan-tuan dan puan-puan,

7. Di samping itu, Kementerian menerusi LKM akan meneruskan usaha-usaha untuk meningkatkan hasil dan produktiviti tanaman koko. Ini termasuk menyediakan insentif kepada para pekebun kecil koko untuk meningkatkan produktiviti dan pemulihan kawasan-kawasan

tanaman koko yang sedia ada. Langkah ini akan membolehkan industri pengisaran tempatan terus mendapat bahan mentah untuk tujuan penghasilan produk-produk berasaskan koko.

8. Selain itu, inisiatif untuk menggalakkan penyertaan pengusaha tempatan dalam menghasilkan produk-produk koko akan juga dipertingkatkan. Di bawah program Pembangunan Usahawan Coklat Buatan Tangan, para peserta diberi pendedahan dan bantuan dalam bentuk perkakas permulaan seperti peralatan ringkas pembuatan coklat dan kotak coklat. Para usahawan peserta program in juga akan diberi acuan coklat bagi membantu mereka memulakan pengeluaran coklat mereka sendiri.

9. Pada masa ini, terdapat 9 pengisar koko, 39 pengilang produk konfeksi koko dan 160 usahawan coklat buatan tangan yang berdaftar sebagai usahawan di bawah bimbingan LKM. Jumlah hasil jualan keseluruhan usahawan di bawah bimbingan LKM pada tahun 2013 ialah RM11.9 juta. Seramai 7 usahawan coklat telah mencapai lebih 800kg blok coklat sebulan, 8 usahawan coklat telah mencapai antara 301kg hingga 800kg blok coklat, Manakala, baki 145 usahawan coklat telah mencapai kurang dari 300kg blok sebulan.

10. Penggunaan koko di Malaysia dan juga di beberapa negara ASEAN masih rendah berbanding negara-negara maju seperti Eropah dan Amerika Syarikat. Berdasarkan statistik, penggunaan koko per kapita bagi Malaysia (berdasarkan *bean equivalent*) adalah dalam lingkungan 0.5 kilogram sahaja berbanding negara-negara maju seperti Perancis, United Kingdom dan Jerman yang melebihi 3.5 kilogram per kapita setahun. Oleh itu, dalam hal ini terdapat potensi untuk meningkatkan penggunaan per kapita koko di Malaysia. Selain daripada

produk kebiasaan seperti coklat, minuman dan konfeksi koko, koko juga boleh digunakan dalam produk makanan atau kuih-kuih tempatan.

Tuan-tuan dan puan-puan,

11. Bagi tema *Malaysia Cocoa dan Chocolate Day 2014* iaitu '*Cocoa for Fun & Health*', satu kajian telah dibuat dan mendapati bahawa produk koko adalah merupakan makanan berkhasiat yang boleh melambatkan proses penuaan, makanan pemberi tenaga segera dan makanan yang memberi ketenangan. Selain itu, saya juga menggesa tuan-tuan dan puan-puan mengambil peluang daripada pameran bersempena *Malaysia Cocoa dan Chocolate Day* untuk meninjau pelbagai jenis produk-produk koko yang dipamerkan. Saya juga berharap tuan-tuan dan puan-puan akan mendapat ilmu mengenai kebaikan dan manfaat koko dalam kehidupan seharian melalui program dan aktiviti yang diadakan.

12. Akhir kata, syabas dan tahniah kepada LKM atas daya usaha menganjurkan acara ini. Saya berharap acara seumpama ini selain menyebarkan maklumat-maklumat khasiat produk-produk koko, juga akan dapat meningkatkan peluang-peluang pasaran domestik dan antarabangsa untuk produk-produk koko yang dihasilkan dalam negara.

Dengan ini, saya dengan sukacitanya merasmikan *Malaysia Cocoa and Chocolate Day 2014*.

Sekian, terima kasih.

**Kementerian Perusahaan Perladangan dan Komoditi.
27 September 2014**